



## Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

**Untuk Siaran Segera  
22 Disember 2016**

### **ASNB MENGUMUMKAN PENGAGIHAN PENDAPATAN BAGI AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) DAN AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.75 sen seunit dan bonus sebanyak 0.50 sen seunit untuk tabung Amanah Saham Bumiputera (ASB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.
- 2016 merupakan tahun yang mencabar di mana sehingga 30 November 2016, indeks saham utama FBM KLCI telah mencatatkan pulangan keseluruhan -1.7%. Tahun ini merupakan tahun ketiga berturut-turut bursa saham tempatan mencatatkan pulangan negatif, berikutan tekanan terhadap harga komoditi utama, kadar faedah yang rendah dan ketidaktentuan dalam pasaran matawang.
- Walaupun sedemikian, ASB mampu menjana pendapatan kasar sebanyak RM9.59 bilion\* sehingga 30 November 2016. Jumlah pengagihan pendapatan dan bonus sebanyak RM10.28 bilion akan dimanfaatkan oleh lebih 9.0 juta pemegang unit yang melanggan lebih daripada 143 bilion unit ASB. Kadar pengagihan dan bonus adalah 3.45 titik peratusan lebih tinggi berbanding purata KLIBOR 3-bulan pada kadar 3.3%, dan 8.45 titik peratusan lebih tinggi daripada prestasi pasaran saham.
- Seterusnya, ASN, tabung unit amanah harga berubah pertama ASNB, telah menjana jumlah pulangan sebanyak RM82.7 juta\* sehingga 30 November 2016, justeru membolehkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Jumlah pengagihan sebanyak RM92.86 juta akan dimanfaatkan oleh lebih 1.2 juta pemegang unit yang melanggan lebih daripada 1.85 bilion unit ASN.
- PNB juga menjangkakan suasana ketidaktentuan pada masa ini akan berterusan bagi tahun 2017. Walaubagaimanapun, dalam keadaan berwaspada, PNB tetap optimis akan peluang-peluang yang ada dalam usaha memberikan pulangan yang kompetitif kepada pemegang unit.

*\*Belum diaudit, setakat 30 November 2016*

**22 DISEMBER 2016, KUALA LUMPUR- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**, syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 6.75 sen seunit dan bonus sebanyak 0.50 sen seunit untuk tabung utamanya iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Objektif tabung ASB ialah untuk menjana pulangan jangka panjang yang kompetitif dan konsisten serta pengekalan modal pada tahap risiko yang munasabah.

Prestasi ASB pada tahun ini adalah lebih baik berbanding prestasi pasaran saham tempatan, di mana indeks utama FBM KLCI telah mencatatkan pulangan keseluruhan -1.7% (pulangan keseluruhan kepada pemegang saham, setelah mengambil kira pulangan dividen) sehingga 30 November 2016. Tahun ini merupakan tahun ketiga berturut-turut pasaran saham tempatan mencatatkan pulangan negatif, di mana indeks FBM KLCI telah menurun sebanyak 73 mata dari paras 1,692.5 mata pada 31 Disember 2015 kepada paras 1,619.1 mata pada 30 November 2016. Secara keseluruhannya, prestasi pasaran saham terjejas oleh pelbagai faktor seperti aliran keluar pelaburan asing daripada pasaran tempatan ke pasaran negara maju, harga komoditi utama yang rendah, ketidaktentuan dalam pasaran matawang dan ketidaktentuan suasana geopolitik.

Meskipun demikian, ASB mampu menjana pendapatan kasar sebanyak RM9.59 bilion\* sehingga 30 November 2016. Pendapatan dividen daripada syarikat pelaburan menyumbang RM4.16 bilion atau 43.4%, manakala keuntungan daripada jualan saham menyumbang sebanyak RM3.82 bilion atau 39.9% daripada jumlah pendapatan kasar. Baki RM1.60 bilion atau 16.7% pula merupakan pendapatan dari instrumen jangka pendek dan juga lain-lain pendapatan.

Lebih 9.0 juta pemegang unit yang melanggan lebih daripada 143 bilion unit ASB akan menikmati pengagihan pendapatan berjumlah kira-kira RM9.78 bilion dan pengagihan bonus berjumlah RM500.40 juta. Kadar pengagihan pendapatan dan bonus ini adalah 3.45 titik peratusan lebih tinggi berbanding purata KLIBOR 3-bulan pada kadar 3.3% dan 8.45 titik peratusan lebih tinggi berbanding pulangan pasaran saham.

Seterusnya, ASNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit bagi tabung unit amanah harga berubah pertamanya, Amanah Saham Nasional (ASN) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Jumlah pengagihan sebanyak RM92.86 juta ini akan dimanfaatkan oleh lebih 1.2 juta pemegang unit yang melanggan lebih daripada 1.85 bilion unit ASN.

Sehingga 30 November 2016, ASN merekodkan jumlah pendapatan kasar sebanyak RM82.72 juta\*. Keuntungan daripada penjualan saham menyumbang sebanyak RM44.50 juta atau 53.8%, manakala pendapatan dividen daripada syarikat pelaburan menyumbang sebanyak RM30.56 juta atau 36.9% daripada jumlah pendapatan kasar. Lebihan RM7.66 juta atau 9.3% merupakan pendapatan daripada instrumen jangka pendek dan lain-lain pendapatan.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASB adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan bagi tempoh pelaburan sepanjang tahun kewangan 2016, manakala pengiraan bonus yang dibayar oleh PNB pula adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum bulanan untuk 10 tahun terakhir. Pembayaran pengagihan pendapatan dan bonus bagi tabung ASB akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun para pemegang unit pada 1 Januari 2017.

Manakala, pengiraan pengagihan pendapatan bagi tabung ASN adalah berdasarkan pegangan unit pada 31 Disember 2016, iaitu hari terakhir tahun kewangan tabung ASN. Pembayaran pengagihan pendapatan ASN akan dilaburkan secara automatik dan dikreditkan ke dalam buku pelaburan pemegang unit pada 1 Januari 2017 berdasarkan nilai aset bersih ASN pada 31 Disember 2016.

Semua urusan niaga bagi ASB dan ASN di Ibu Pejabat ASNB, pejabat-pejabat ASNB dan ejen-ejen ASNB telah ditangguhkan pada 22 Disember 2016 sehingga 2 Januari 2017 untuk tujuan pengiraan pengagihan pendapatan bagi tahun 2016. Urusan niaga akan berjalan seperti biasa bermula 3 Januari 2017.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, “Kami bersyukur dengan prestasi ASB yang masih mampu memberi pulangan yang kompetitif serta pulangan yang terbaik dalam kalangan instrumen yang seumpamanya meskipun pulangan pasaran saham telah mencatatkan pulangan negatif dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.”

“Melangkah ke tahun hadapan, PNB menjangkakan suasana ketidakpastian pada masa ini akan berterusan. Meskipun begitu, PNB tetap optimis dan dalam masa yang sama lebih berwaspada. Dengan pelaksanaan Pelan Strategi 2017-2022, PNB akan terus berusaha memberikan pulangan yang mampan dan kompetitif kepada pemegang unit,” tambah beliau.

*Nota:*

*\*Belum diaudit, setakat 30 November 2016*

**Dikeluarkan oleh:  
PERMODALAN NASIONAL BERHAD**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Aminah Haji Mahadi**  
**Pengurus Kanan**  
**Jabatan Hal Ehwal Korporat dan Komunikasi**  
**Tel : 03 – 2050 5445**  
**Faks: 03 – 2050 5268**  
**E-mel: aminah\_hm@pnb.com.my**